

10/06/1997

Rasuah: Komponen BN perlu bersih

MEMBANTERAS rasuah kini menjadi agenda utama. Umno nampaknya begitu agresif menangani gejala yang semakin membimbangkan ini. Beberapa tindakan, termasuk pemecatan jawatan yang membabitkan pemimpin parti itu sudah diambil. Ramai lagi sudah disenaraihitamkan, manakala beberapa lagi dalam penyiasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR). Kelmarin Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengulangi kesungguhan membanteras rasuah. Dengan tegas beliau menyatakan semua wakil rakyat yang terbabit dalam rasuah dan penyelewengan tidak akan dipertimbangkan sebagai calon pada pilihan raya akan datang.

Isu rasuah dan penyelewengan bukan soal remeh-temeh. Kerajaan tidak boleh bertolak ansur lagi mengenai gejala ini selepas pelbagai amaran dan ingatan dikeluarkan termasuk dalam Perhimpunan Agung Umno. Kita sanjung usaha pemimpin dalam Umno yang berani mengambil tindakan drastik itu sebagai pendorong ke arah melahirkan negara dan masyarakat bersih. Usaha membanteras rasuah dan penyelewengan perlu dimulakan dengan pembersihan dalam Umno terlebih dulu, sesuai dengan kedudukannya sebagai tunjang kerajaan. Umno perlu dibersihkan daripada pemimpin yang mempunyai kepentingan diri kerana ia harus memberikan contoh kepada parti komponen lain serta pegawai kerajaan.

Kenyataan Anwar dan hasrat pemimpin negara ini, bukanlah omong kosong. Beberapa tindakan yang diambil seperti pengguguran bekas Exco Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Sahar Arpan, pemecatan jawatan bekas Timbalan Menteri Perusahaan Utama Siti Zainab Datuk Abu Bakar dan penggantungan ahli ke atas bekas Setiausaha Wanita Umno, Senator Habshah Osman adalah bukti kesungguhan peringkat atasan membina imej bersih. Seperti yang dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sidang video bersama Anwar dari London, pemimpin bukan saja perlu bersih tapi mesti kelihatan bersih.

Bagaimanapun, tindakan tegas di kalangan pemimpin Umno yang bermasalah, seolah-olah menggambarkan pemimpin Umno saja yang terbabit dalam kes rasuah dan penyelewengan. Rasuah dan penyelewengan bukan masalah Umno saja. Ia penyakit nasional yang memerlukan kerjasama semua pihak dari akar umbi hinggalah ke peringkat atasan. Sehubungan itu, kita mahu lihat tindakan yang sama diambil oleh rakan dalam Barisan Nasional (BN) kerana kerajaan yang ada sekarang juga turut didukung oleh MCA, MIC, Gerakan, PPP, PBB, SUPP, SNAP, PBDS, Akar, LDP, SAPP, PBRs dan PDS. Kita juga mahu mereka mengisytiharkan perang terhadap rasuah dan penyelewengan. Ini sejajar dengan kenyataan Anwar bahawa kerajaan akan mengambil tindakan tegas membersihkan negara daripada rasuah dan penyelewengan di semua peringkat, termasuk parti komponen Barisan Nasional (BN) dan kakitangan serta pegawai kerajaan.

Rakan dalam BN juga perlulah mengambil contoh daripada Umno, yang tidak mahu melindungi atau bersekongkol dengan pemimpin yang rasuah. Ini bagi memastikan kewibawaan parti dan kerajaan tidak terjejas. Mereka perlu tampil untuk bersama-sama membersihkan diri. Jangan lindungi pemimpin atau mana-mana ahli yang rasuah dan menyeleweng kerana ia hanya akan menghancurkan sesuatu organisasi. Ibarat barah yang boleh membunuh, begitu jugalah rasuah dan penyelewengan jika lambat dibendung. Rakan BN perlulah berani bertindak tanpa bimbang hilang pengaruh dan pengikut kerana perjuangan parti adalah lebih utama dan penting daripada agenda individu.

Kita bersetuju, pembersihan perlu dilakukan oleh Umno terlebih dulu

kerana ia tunjang kerajaan. Namun pada ketika yang sama adalah tidak wajar bagi rakan BN berpeluk tubuh sambil memerhati dan menghitung satu demi satu pemimpin Umno dipecat. Mereka sepatutnya bertindak segera menuruti langkah Umno jika mahu gejala rasuah dan penyelewengan diatasi sehingga ke akar umbi. Mereka tidak perlu takut dan bimbang. Jika ahli Umno boleh menerima tindakan itu sebagai usaha yang murni, rakan dalam BN juga perlu menerimanya dengan perasaan yang terbuka. Sememangnya menghapuskan rasuah usaha murni yang perlu diberi sokongan oleh semua pihak, bukan Umno saja. Kita berharap selepas ini akan ada parti komponen BN bertindak dan berganding bahu dengan Umno membanteras gejala ini. Adalah kurang wajar jika pemimpin Umno yang rasuah saja dikenakan tindakan sedangkan pemimpin parti komponen BN terlepas. BN hanya akan jadi parti yang bersih dan dihormati jika semua anggota partinya bebas daripada rasuah dan penyelewengan.

(END)